

**MEMPERKASAKAN BAHASA MELAYU MELALUI KEMAHIRAN
BERNILAI TAMBAH**
[*STRENGTHENING THE MALAY LANGUAGE THROUGH ADDED VALUE
SKILLS*]

Hamid Mahmood

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim,

Perak, Malaysia.

c.hamid@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan usaha-usaha memperkasakan bahasa Melayu melalui Kemahiran Bernilai Tambah. Pemeraksanaan bahasa Melayu merupakan peningkatan usaha bagi pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap Dasar Bahasa Negara dan pelaksanaan dasar bahasa tersebut. Di samping kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis yang ditegaskan dalam sukatan pelajaran sekolah, kemahiran bernilai tambah yang diperkenalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum di Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadi teras utama ke arah memperkasakan bahasa Melayu. Kemahiran bernilai tambah merupakan kemahiran yang telah lama wujud dalam sistem pendidikan kita yang dahulunya telah dipelajari secara formal dan tidak formal. Antara kemahiran nilai tambah ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai serta pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Kemahiran ini memberi penekanan terhadap pengalaman di bilik

darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Seterusnya dapat memperkasakan bahasa Melayu kerana pelajar dan pengguna bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dalam pelbagai aspek kehidupan dan mereka tentunya dapat meletakkan diri mereka setara dengan masyarakat lain di dunia secara global.

Kata Kunci: Kemahiran Bernilai Tambah, Pemerksaan bahasa Melayu, pembelajaran konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, kecerdasan pelbagai.

ABSTRACT

This paper will discuss efforts to strengthen the Malay language through Added Value Skills. The strengthening of the Malay language is to buttress society's understanding of the National Language Policy and its implementation. Besides the listening, speaking, reading and writing skills that are emphasised in the school syllabus, the added value skills that are introduced by the Curriculum Development Department of the Education Ministry have become the main thrust towards strengthening the Malay language. The Added Value Skills are not new in our education system, as they have been incorporated either formally and informally. The skills stress the classroom experience in relation to the real student's world and the global world scenario. In tandem with that, the Malay language curriculum has integrated other skills to fulfil current teaching and learning needs. The Value Added Skills referred to are thinking skills, ICT skills, learning how to learn skills, analysis of the future skills, multiple intelligence and constructivist learning and conceptual learning. If students are able to acquire these skills they are also able to strengthen the use of the Malay language in various aspects of life and, therefore, put them at par with other peoples in the global world.

Keywords: Added Value Skills, Strengthening the Malay language, constructivist learning, conceptual learning, multiple intelligence

PENGENALAN

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan juga asas perpaduan terus diberi penekanan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Situasi ini jelas diperlihatkan dalam fokus kedua pelan ini, iaitu membina Negara Bangsa. Kesungguhan untuk melaksanakan fokus ini dijelaskan sebagai cabaran KPM untuk memastikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan dan digunakan sebagai bahasa ilmu serta bahasa perpaduan. KPM berazam untuk memberikan penghormatan dan menyemarakkan penggunaan Bahasa Melayu untuk memperkasakan kedudukannya.

Hasil daripada pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan telah terbukti apabila pada akhir tahun 1980-an, dasar bahasa dalam sistem pendidikan negara mencapai tahap perkembangan yang mantap. Kemantapan ini dapat kita lihat berdasarkan kejayaan dasar itu melahirkan generasi, daripada semua kaum, yang terdidik dalam atau melalui Bahasa Melayu. Puluhan ribu pelajar kita, baik pelajar Melayu, mahupun pelajar bukan Melayu, mampu memperoleh pendidikan peringkat tinggi dalam semua bidang ilmu, termasuk bidang sains dan matematik, dalam Bahasa Melayu, bukan sahaja di peringkat Ijazah Pertama, tetapi juga di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Oleh hal yang demikian sewajarnya usaha pemerksaan bahasa Melayu diteruskan kerana sifat bahasa itu yang sentiasa berkembang selaras dengan perkembangan semasa.

Dalam konteks kertas kerja ini, pemerksaan bahasa Melayu dilihat melalui aplikasi penerapan Kemahiran Bernilai Tambah. Kemahiran Bernilai Tambah bukanlah suatu kemahiran yang baharu. Kemahiran ini telah lama wujud dalam sistem pembelajaran kita. Kemahiran ini dahulunya dipelajari secara langsung dan tidak langsung, tetapi tidak diberi penekanan yang serius oleh guru kepada pelajar-pelajarnya. Kini, kemahiran ini mula

diajarkan di sekolah-sekolah secara formal dan tidak formal. Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar, selain daripada kemahiran yang sedia ada, iaitu kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Konsep 5P (penggabungan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian) dalam huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2003), jelas membuktikan kepada kita bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah memerlukan usaha gigih dalam kalangan guru untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah lebih bermakna. Kesesuaian konsep penyerapan dalam pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah amat bergantung rapat dengan keupayaan atau kemahiran seseorang guru semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Keupayaan, kemahiran dan rasa kesungguhan yang mendalam perlu ada dalam kalangan guru untuk menjayakan konsep ini. Umpamanya, dalam kita mengajarkan aspek kemahiran membaca dan memahami teks, pada masa yang sama juga kita akan menyerapkan unsur ilmu, nilai dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, dan pelbagai aspek yang lain semata-mata bertujuan memberi ruang serta pengetahuan dalam kalangan pelajar.

Kesesuaian strategi ini juga mencerminkan keserasian dengan teori tingkah laku yang menjelaskan bahawa sesuatu pengajaran jika diulang-ulang pasti akan memberi impak peneguhan kepada mereka yang mempelajarinya. Ini bermakna bahawa konsep penyerapan yang memberi ruang pendedahan serta penyuburan pengetahuan dan ilmu dalam kalangan pelajar amat bermakna dan perlu dihayati serta diaplikasikan oleh setiap guru bahasa ketika mengajarkan bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di dalam bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang telah diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) ialah Kemahiran Berfikir, Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Belajar Cara Belajar, Kajian Masa Depan,

Kecerdasan Pelbagai, Pembelajaran Konstruktivisme, dan Pembelajaran Kontekstual. Setiap kemahiran bernilai tambah mempunyai nilai-nilai lain yang lebih kecil yang boleh diterapkan di dalam bilik darjah.

Kemahiran Berfikir

Kemahiran Berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran Berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh maklumat melalui internet.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta

mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logikmatematik, muzik, kinestatik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran Konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

Kemahiran Berfikir

Dalam model kemahiran berfikir, perkataan tertentu digunakan untuk setiap kemahiran berfikir. Selain perkataan tersebut, terdapat frasa atau perkataan lain yang memberikan makna yang

sama. Perkataan atau frasa ini amatlah membantu guru dan murid untuk memahami dan menguasai kemahiran berfikir tersebut. Perkataan atau frasa yang memberikan makna yang sama ini boleh digunakan oleh guru untuk membina kemahiran berfikir dalam kalangan murid-murid.

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bermaksud menggunakan ICT secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan ICT membolehkan guru merancang dan melaksana aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan sebaik-baiknya untuk pembelajaran murid.

Manfaat ICT Dalam Pembelajaran

Penggunaan ICT secara berfikir, terancang dan bersesuaian dengan keperluan dalam pembelajaran:

- i. berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran.
- ii. memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua murid yang pelbagai keupayaan.
- iii. meningkatkan motivasi murid.
- iv. membolehkan pembelajaran bersendirian (individualise learning).
- v. membolehkan murid mengakses maklumat yang sukar diperoleh.
- vi. membolehkan murid mengumpul maklumat yang memerlukan masa yang lama atau terlalu mahal untuk diperoleh.
- vii. mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar.
- viii. membolehkan murid mencuba atau melaksana eksperimen yang sukar, terlalu mahal, mustahil atau bahaya untuk dilaksanakan dengan cara biasa.
- ix.

meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi murid. x. memberi peluang kepada murid belajar secara berkesan dengan bimbingan yang minimum. xi. meningkatkan kemahiran ICT.

Dalam konteks penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, tiada satu cara pun yang boleh dikata sebagai terbaik dan mesti digunakan. Pendekatan terbaik yang sebenarnya ialah apabila penggunaan ICT sesuai dengan keperluan murid, serta dapat membuahkan hasil yang diharapkan dalam jangka masa yang munasabah. Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat dari dua aspek, iaitu aspek pengajaran (guru menggunakan ICT), dan aspek pembelajaran (murid menggunakan ICT). Untuk memperoleh manfaat menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i. Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dirancang dengan baik, bukan secara “bidan terjun” atau sebagai aktiviti sampingan yang tidak ada kaitan dengan kurikulum.
- ii. Penggunaan ICT bersesuaian dengan keperluan kurikulum dan menyokong pendekatan pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Ada perkakasan dan perisian yang sesuai yang boleh diguna dalam aktiviti pembelajaran.

Guru tidak perlu menjadi pakar komputer untuk mengajarkan atau menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru cukup sekadar menguasai kemahiran asas ICT yang boleh diperolehi melalui aktiviti kelab komputer sekolah yang melaksanakan program Literasi Komputer Kementerian Pendidikan. Dalam konteks pembelajaran, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran boleh dikategori sebagai:

- i. Tutorial,
- ii. Penerokaan (eksploratori),
- iii. Aplikasi, dan iv. Komunikasi.

Dalam konteks pengajaran pula, ICT boleh digunakan sebagai alat persembahan dan alat demonstrasi.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar merupakan kemahiran seumur hidup. Kemahiran ini perlu dikembangkan kepada semua murid supaya mereka peka dengan teknik-teknik pembelajaran yang berkesan. Dengan kemahiran ini juga, murid dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam proses belajar mereka, dan seterusnya mereka boleh mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki sesuatu kelemahan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah perlu mengambil kira kebolehan dan minat murid yang pelbagai dan guru harus memberikan penekanan pada teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan murid mereka. Hal ini bertepatan dengan pengertian belajar cara belajar, iaitu proses untuk memperoleh teknik belajar sama ada bersama guru atau tanpa guru. Kemahiran belajar ini perlu dikuasai oleh setiap murid untuk menambah ilmu pengetahuan serta meraih kecemerlangan dalam peperiksaan dan kehidupan.

Rasional Belajar Cara Belajar

Belajar cara belajar diperkenalkan kerana beberapa sebab:

- i. Masa di bilik darjah terhad. Pengetahuan dan maklumat yang diterima di kelas juga terhad.
- ii. Murid perlu bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.
- iii. Murid perlu belajar untuk memperoleh maklumat tambahan di luar waktu persekolahan.
- iv. Murid perlu meningkatkan keupayaan mereka untuk mempelajari sesuatu.

- v. Kemahiran belajar cara belajar sejajar dengan matlamat pendidikan untuk menyemai kemahiran belajar seumur hidup dalam kalangan murid.

Objektif Belajar Cara Belajar

Objektif Belajar cara belajar adalah seperti yang berikut:

- i. Menyediakan murid yang berupaya belajar sendiri tanpa guru.
- ii. Membolehkan murid menggunakan pengetahuan sedia ada, rakan dan bahan lain sebagai sumber pembelajaran.
- iii. Membolehkan murid membuat refleksi dan menilai tahap pembelajaran sendiri.
- iv. Membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran ke situasi lain, sama ada dalam mata pelajaran lain dan dalam pergaulan.

Peranan Guru dan Murid dalam Belajar Cara Belajar

Peranan Guru:

- i. Menentukan objektif pembelajaran.
- ii. Menyesuaikan gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran murid.
- iii. Menyediakan pelbagai teknik dan aktiviti untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Memilih bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.
- v. Berbincang dengan murid.
- vi. Menilai secara formatif dan sumatif dan merekod pencapaian murid.
- vii. Mengambil tindakan yang sewajarnya.

Peranan Murid:

- i. Mengetahui pasti kecenderungan gaya pembelajaran.
- ii. Menilai keupayaan diri untuk belajar dan mengambil tindakan seterusnya.
- iii. Menetapkan matlamat dan diharapkan dapat menjayakannya.
- iv. Berbincang dengan guru sama ada matlamat yang ditetapkan mampu dicapai atau tidak.
- v. Merancang pembelajaran secara terperinci dan melaksanakannya.
- vi. Melaporkan kemajuan pencapaian.
- vii. Berbincang dengan rakan sebaya dan guru tentang tugas, kertas projek, penguasaan kosa kata.
- viii. Membuat refleksi dan menilai pencapaian.
- ix. Memberi ganjaran atas kejayaan sendiri.

Gaya Pembelajaran Utama

Gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Terdapat pelbagai teori dan model gaya pembelajaran. Murid perlu tahu gaya pembelajaran tersebut supaya mereka dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka. Jenis-jenis gaya pembelajaran adalah seperti yang berikut:

- i. Visual – Pelajar belajar dengan lebih baik dengan melihat perkataan dalam buku dan papan tulis, tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak, dapat belajar bersendirian dengan membaca buku, dan perlu mencatat penerangan atau arahan lisan yang disampaikan sekiranya ingin mengingat sesuatu maklumat.
- ii. Auditori – Pelajar belajar daripada perkataan yang diujarkan, dapat mengingat maklumat dengan membaca kuat atau dengan menggerak-gerakkan bibir ketika membaca, serta mendapat manfaat daripada mendengar pita audio, syarahan dan perbincangan kelas.
- iii. Kinestetik – Pelajar belajar dengan lebih baik melalui pengalaman dan terlibat secara aktif dalam aktiviti,

lawatan, dan main peranan. Kombinasi rangsangan seperti aktiviti dan pita audio memudahkan pelajar memahami perkara baharu. iv. Kecekapan tangan – Pelajar belajar dengan lebih berkesan apabila berpeluang membuat latihan amal (hands-on) dengan bahan seperti melakukan eksperimen di makmal, membina model, dan menyentuh dan menggunakan bahan. Pergerakan fizikal dalam kelas membantu pelajar memahami maklumat baharu. v. Berkumpulan – pelajar belajar dengan lebih mudah sekiranya berteman, dapat menyiapkan sesuatu tugas dengan bekerjasama dengan orang lain, mengingatkan maklumat apabila bekerja dengan rakan pelajar yang lain, dan stimulasi daripada rakan membantu pelajar memahami perkara baharu. vi. Bersendirian – Pelajar belajar, berfikir, serta memahami dan mengingat maklumat baharu dengan lebih baik apabila bekerja atau melakukan bersendirian.

Gaya pembelajaran minor menunjukkan bahawa pelajar masih dapat belajar dengan baik melalui gaya pembelajaran tersebut, manakala gaya pembelajaran yang tidak penting bererti pelajar menghadapi kesulitan belajar melalui gaya tersebut dan harus memberikan tumpuan pada gaya yang lebih membantu pelajar dalam pembelajaran.

Kajian Masa Depan

Tujuan pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan diperkenalkan adalah untuk mendidik murid-murid supaya bersedia menghadapi cabaran dan perubahan. Pengajaran berasaskan kajian Masa Depan akan membantu murid menyedari bahawa masa depan pasti berubah dan perubahan-perubahan tersebut penuh dengan cabaran dan dugaan. Mereka juga akan dilatih dengan disiplin ilmu yang berkaitan dengan cara-cara menangani perubahan dengan berwawasan, rasional, kreatif dan dinamik. Konsep penting yang ditekankan dalam pengajaran berasaskan kajian Masa Depan ialah masa depan merupakan satu keadaan yang dinamik kerana sentiasa berlaku perubahan. Masalah berkaitan dengan perubahan masa depan lazimnya kompleks dan sukar ditentukan serta penyelesaiannya bersifat global. Keadaan ini bertambah sukar

apabila nilai dan norma, keinginan dan kehendak manusia berbeza-beza. Oleh yang demikian, pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan merupakan strategi saintifik yang dibina untuk menambah keupayaan murid dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan (PPK, 2002). Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia (PPK) menggariskan empat rasional atau prinsip pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan, iaitu:

- a. Prinsip Perubahan
- b. Prinsip Pandangan Jauh
- c. Prinsip Perancangan Strategik
- d. Prinsip Pengupayaan

Berdasarkan empat prinsip pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan yang dikemukakan oleh PPK, terdapat lima objektif yang diharapkan akan terlaksana, iaitu:

- i. berkomunikasi secara berkesan tentang hal-hal masa depan;
- ii. membina sikap dan nilai tentang masa depan;
- iii. mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kajian masa depan;
- iv. membuat kajian dan mengurus maklumat tentang hal-hal masa depan; dan
- v. berfikir secara kritis dan kreatif serta membuat keputusan tentang hal-hal masa depan.

Pelaksanaan pengajaran berasaskan kajian Masa Depan di sekolah-sekolah merangkumi penguasaan Kemahiran Asas dan Kemahiran Khusus yang disokong dengan kemahiran-kemahiran seperti yang berikut:

Kemahiran Asas

- a. Membuat Ramalan
- b. Menjangka Akibat
- c. Mengendali Perubahan

Kemahiran Khusus

- a. Pemahaman konsep masa depan.
- b. Pengumpulan maklumat dan analisis trend.
- c. Ramalan dan analisis.
- d. Penggunaan imaginasi dan kreativiti.
- e. Strategi mengatasi kebimbangan.
- f. Proses inovasi sosial.
- g. Pembinaan senario.
- h. Penjelasan nilai dan masa depan.
- i. Pemahaman dimensi kemapanan.

PPK turut menggariskan tiga cara penyampaian pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan, iaitu:

- a. Menggunakan matriks sepenuhnya.
- b. Menyisipkan kajian Masa Depan dalam pengajaran.
- c. Menggunakan unsur-unsur kajian Masa Depan sebagai induksi atau susulan pengajaran.

Pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan memberi kesan yang baik kepada murid dan guru untuk bersedia menghadapi era globalisasi. Mereka sedar bahawa masa depan pasti berubah dan ia penuh dengan cabaran dan dugaan. Dengan ini, mereka boleh merancang masa depan dengan wawasan yang lebih rasional, kreatif, dan dinamik serta berupaya menerima dan menangani perubahan dengan baik. Pengajaran berasaskan kajian masa depan akan memberi faedah kepada murid daripada aspek-aspek seperti yang berikut:

- a. merangsang murid berfikir.
- b. menyemai semangat optimistik tentang masa depan.
- c. menggalakkan murid memahami kesepaduan antara pelbagai bidang ilmu.
- d. berupaya menangani dan menyelesaikan isu-isu kritikal.
- e. menyediakan murid untuk meneroka alam pekerjaan masa depan.

f. menyemai keyakinan diri untuk menghadapi cabaran masa depan. g. melatih menyelesaikan masalah serta membuat keputusan, dan h. murid berminat dan seronok kerana mereka boleh mengeluarkan idea dan pandangan tentang sesuatu tema.

Pengajaran berasaskan Kajian Masa Depan juga akan merangsang guru daripada aspek-aspek seperti yang berikut:

- a. pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid
- b. guru berperanan sebagai fasilitator kerana murid memainkan peranan sebagai peneroka yang aktif
- c. pelbagai gaya pembelajaran seperti lisan, visual, audio, kinestetik dan komunikasi berpusatkan murid boleh digunakan, dan
- d. iklim di dalam bilik darjah seronok, menarik dengan suasana kreatif serta persekitaran yang boleh merangsang murid untuk belajar.

Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logikmatematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Terdapat lapan kecerdasan pelbagai yang boleh diterapkan kepada murid-murid dalam kemahiran ini, iaitu:

- i. Kecerdasan Verbal-Linguistik Kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam lisan dan penulisan. Kemahiran yang terdapat di sini termasuklah kebolehan mengingat maklumat, meyakini orang lain, serta bercakap tentang bahasa itu sendiri.
- ii. Kecerdasan Logik-Matematik Kebolehan menggunakan nombor secara berkesan dan bijak berhujah. Kemahiran yang boleh didapati

di sini termasuklah memahami kelompok nombor asas, prinsip sebab-akibat serta kebolehan menjangka.

iii. Kecerdasan Visual-Ruang Kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk ruang, warna dan garisan, termasuklah kebolehan mempersembahkan idea visual dan ruang secara grafik.

iv. Kecerdasan Kinestetik Kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan menyelesaikan masalah, termasuklah kemahiran fizikal seperti koordinasi, keanjalan, kepantasan dan keseimbangan.

v. Kecerdasan Muzik Kebolehan mengesan irama dan lagu, termasuk kebolehan mengenal lagu mudah serta membeza atau mengubah rentak dan tempo dalam melodi yang mudah.

vi. Kecerdasan Interpersonal Kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Kecerdasan ini juga merupakan kemahiran bertindak secara berkesan terhadap orang lain secara praktikal, seperti menggalakkan murid menyertai sesuatu projek.

vii. Kecerdasan Intrapersonal Kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan kehendak, termasuklah kemahiran bagaimana seseorang itu sama ada berbeza dengan orang lain atau tidak. Kecerdasan ini juga dapat membantu individu menangani perasaan, beradab sopan serta mengawal kemarahan atau kesihan diri.

viii. Kecerdasan Naturalis Kebolehan mengenali dan mengklafikasi tumbuh-tumbuhan, galian, dan binatang, termasuk rumput dan batu-batuan, serta pelbagai flora dan fauna. Ia juga merupakan kebolehan untuk mengenali artifak budaya dari segi pakaian dan makanan.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran Konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat. Pengetahuan dibina sendiri secara aktif berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada. Mengikut konstruktivisme, pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Individu ini tidak menyerap secara pasif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh gurunya. Murid akan menyesuaikan sebarang maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baharu dalam mindanya dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya.

Di sini, jelaslah bahawa konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.

Ciri-ciri Pembelajaran secara Konstruktivisme

- a. Menggalakkan murid bertanya dan berdialog dengan murid dan guru.
- b. Menganggap pembelajaran sebagai satu proses yang sama penting dengan hasil pembelajaran.
- c. Menyokong pembelajaran secara koperatif.
- d. Menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi murid.
- e. Memberi peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu dengan memahaminya melalui penglibatan murid dengan situasi dunia yang sebenar.
- f. Menggalakkan proses inkuiri murid melalui kajian dan eksperimen.

- g. Mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana murid belajar sesuatu idea.
- h. Mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh murid.
- i. Menggalakkan soalan/idea yang dimulakan oleh murid dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran.

Implikasi daripada Pengertian Konstruktivisme

- a. Pengajaran dan pembelajaran akan berpusatkan murid.
- b. Pengetahuan yang dipunyai oleh murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh murid tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif.
- c. Guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut.
- d. Guru berperanan sebagai pereka bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu.
- e. Guru berperanan sebagai fasilitator yang membantu murid membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti hands-on dan minds-on, yakni, kebolehan melakukan dan berfikir. Secara umumnya, kontekstual membawa pengertian relevan, ada hubungan atau kaitan langsung dan mengikut konteks. Pembelajaran berasaskan konteks pula bermaksud pembelajaran yang relevan dan bermakna dengan murid, khususnya dalam kehidupan seharian mereka. Pembelajaran berasaskan konteks merupakan pembelajaran yang mengaitkan perkara yang dipelajari oleh murid dengan kehidupan sebenar mereka. Pembelajaran akan menjadi lebih bermakna jika maklumat yang disampaikan oleh guru melibatkan konteks yang pelbagai dan berkaitan dengan kehidupan mereka. Oleh itu, penekanan perlu diberi kepada

kepelbagaian persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Di samping itu, matlamat utama pembelajaran secara kontekstual adalah untuk menghasilkan murid yang berkualiti. Untuk menjayakannya, semua pihak perlu bersetuju mengenai apa yang perlu dipelajari dan bersetuju mengenai strategi pembelajarannya. Sokongan daripada organisasi masyarakat diperlukan untuk menjayakan strategi pengajaran dan pembelajaran kontekstual.

Sokongan luaran ini akan memberi galakan dan sumber-sumber untuk membantu murid dan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Teori pembelajaran kontekstual menumpukan kepada kepelbagaian aspek persekitaran pembelajaran sama ada di bilik darjah, makmal, tempat kerja atau kehidupan harian. Teori ini menggalakkan pendidik memilih atau mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangkumi pelbagai pengalaman sama ada dalam konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang dihasratkan. Antara strategi pembelajaran kontekstual ialah membantu murid membuat perkaitan antara pelajaran dengan peranan mereka sebagai ahli keluarga, masyarakat, murid, dan juga sebagai pekerja pada masa hadapan. Pembelajaran berasaskan kontekstual boleh dijalankan di dalam bilik darjah berdasarkan strategi menghubungkan, mengalami, bekerjasama dan memindahkan. Proses menghubungkan bermaksud murid belajar menghubungkan pengetahuan baharu dengan pengalaman hidup. Proses mengalami pula ialah proses yang melibatkan murid belajar melalui kaedah penerokaan dan penemuan sendiri, manakala proses belajar bekerjasama pula memerlukan murid belajar dengan cara berkomunikasi dengan orang lain. Proses memindahkan pula ialah proses murid memindahkan ilmu yang dipelajari dalam situasi sebenar. Oleh itu, strategi pembelajaran kontekstual mencadangkan bahawa:

- i. Kebanyakan murid belajar dengan berkesan melalui pengalaman penglibatan peribadi, aktiviti hands-on dan peluang untuk penemuan sendiri.

- ii. Pembelajaran lebih bermakna apabila konsep disampaikan dalam konteks hubungan yang tidak asing kepada murid.
- iii. Kebanyakan murid belajar dengan lebih berkesan melalui komunikasi interpersonal, belajar dalam kumpulan, berkongsi maklumat, saling membantu dan maklum balas yang positif.
- iv. Pemindahan pembelajaran dari satu situasi ke situasi yang lain adalah satu kemahiran yang perlu dipelajari.

Kesimpulannya, melalui pembelajaran kontekstual, pelajar dapat mengekalkan maklumat dengan lebih berkesan melalui pengalaman sendiri. Di samping itu, melalui pembelajaran ini juga pelajar mempunyai pelbagai kecerdasan. Bagaimanapun, tahap dan kombinasi kecerdasan berbeza-beza antara individu. Oleh itu, pembelajaran kontekstual dapat mencungkil potensi kecerdasan pelajar dengan lebih berkesan. Dalam menerapkan pembelajaran kontekstual dalam pengajaran bahasa, seseorang guru perlu memberi perhatian kepada beberapa perkara, iaitu jenis bahan yang akan digunakan, memahami latar belakang murid, memahami persekitaran murid dan menyusun rancangan pengajaran. Dalam usaha menerapkan amalan ini, guru mestilah memilih bahan pengajaran yang relevan dengan kehidupan murid, di samping selari dengan tuntutan sukatan pelajaran. Selain itu, guru juga harus mengetahui latar belakang murid. Latar belakang dan pengalaman murid boleh dijadikan modal bagi mewujudkan perkaitan antara konsep yang dipelajari dengan konsep yang baharu. Hasilnya, murid akan mudah menerima konsep baharu tersebut dengan lebih cepat dan kekal lama dalam ingatan. Memahami persekitaran murid juga perlu diberi perhatian. Persekitaran yang sesuai memungkinkan suasana belajar menjadi lebih bermakna. Guru juga harus menyusun rancangan pelajaran yang mengambil kira aspek yang berikut, iaitu:

- i. Adanya perkaitan antara pengetahuan sedia ada dengan konsep baharu.
- ii. Mampu menanam sikap 'saya perlu belajar konsep ini'.

- iii. Pembelajaran diadakan dalam konteks sebenar.
- iv. Menggalakkan murid mengaplikasi konsep baharu dalam konteks masa depan.

Kesimpulannya, pendekatan kontekstual merupakan suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mencabar, berkesan dan menyeronokkan. Seterusnya, melalui pendekatan kontekstual ini juga dapat menyumbang ke arah pemeringkatan penguasaan kemahiran dan prestasi murid. Dalam hasil pembelajaran khusus bahasa Melayu, kemahiran pembelajaran kontekstual ini ada dinyatakan. Hasil pembelajaran yang berikut menunjukkan bahawa pembelajaran kontekstual memang diterapkan dalam P & P Bahasa Melayu. Hasil Pembelajaran Khusus itu ialah:

Kemahiran Interpersonal

- i. Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan, dan masyarakat dengan menggunakan kata, sebutan dan intonasi, serta nada yang sesuai.
- ii. Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.
- iii. Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.

Kemahiran Maklumat

- iv. Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks.
 - v. Menyemak semula maklumat dan memutuskan sama ada hendak menerima, menambah atau menolak pilihan.
- b. Kemahiran Estetik
- i. Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan.
 - ii. Menanam nilai estetik dalam kalangan pelajar.

Bagi menyerapkannya dalam P & P, pembelajaran kontekstual boleh dilaksanakan dalam pelbagai kemahiran seperti kemahiran lisan, membaca dan menulis. Kemahiran lisan memberi penekanan terhadap aktiviti bahasa yang mengambil kira latar dan persekitaran murid. Begitu juga dengan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Kemahiran ini meminta guru menjalankan aktiviti yang membolehkan murid menggunakan kata, ungkapan yang sopan dan sesuai dengan konteks. Selain itu, dalam mengajarkan aspek tatabahasa dan kosa kata dan kemahiran-kemahiran lain turut menuntut aktiviti ini dijalankan berdasarkan konteks. Penyerapan pembelajaran kontekstual dapat membantu guru mewujudkan suasana pembelajaran yang benar-benar bermakna.

Hal ini disebabkan penyerapan kemahiran yang berlaku adalah dalam konteks sebenar yang ada kaitan dan hubungan dengan murid. Setiap kaedah pembelajaran memerlukan guru melaksanakan langkah-langkah yang tertentu bagi menyampaikan pengajarannya. Dalam pembelajaran kontekstual, sesuatu pengajaran itu perlu dilakukan berdasarkan konteks yang sebenar. Seandainya pengajaran adalah berdasarkan kemalangan jalan raya untuk tajuk esei, pengajaran ini boleh dikaitkan dengan peristiwa yang pernah dialami oleh pelajar, sama ada dia pernah terlibat dengan kemalangan, atau pernah melihat kejadian kemalangan yang sebenar, atau mendapat maklumat dan hal yang berkaitan dengan kemalangan atau sebagainya. Oleh yang demikian, untuk menghasilkan karangan yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya, kemahiran bernilai tambah yang boleh digunakan dalam pembelajaran ini ialah kemahiran mengenal pasti masalah. Di sini pelajar-pelajar boleh berbincang dengan rakan-rakan mereka mencari punca bagaimana sesuatu kemalangan itu terjadi. Seterusnya, untuk mendapatkan punca berlakunya kejadian itu mereka perlu menggunakan kemahiran mencari maklumat, yakni kemahiran mengumpul maklumat dan data. Untuk mendapatkan maklumat mereka boleh mencarinya melalui pembacaan, penyelidikan, sumbang saran, melayari internet, pemerhatian, dan

bimbingan guru. Setelah mendapat maklumat mereka boleh menganalisis maklumat. Setiap masalah mempunyai alternatif atau jalan penyelesaiannya. Alternatif yang dipilih hendaklah dapat menyelesaikan masalah secara menyeluruh, sempurna, tepat serta memenuhi keperluan.

Di sini, sekali lagi pelajar boleh menggunakan kemahiran bernilai tambah, iaitu menggunakan peta minda untuk menjelaskan punca dan langkah untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya dan seterusnya pelajar boleh menghasilkan sebuah esei yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya. Namun begitu, untuk melaksanakan pembelajaran secara kontekstual memerlukan masa yang lama, kerana pembelajaran ini berdasarkan konteks sebenar dan yang ada hubung kait dengan mereka. Dalam pembelajaran kontekstual, pengajaran dan pembelajaran perlu melalui proses motivasi, pemahaman, aplikasi serta imbasan kembali dan penilaian.

Kebolehan melakukan (handson) dan berfikir (minds-on) merupakan asas pendekatan kontekstual. Paduan kedua-duanya akan mendorong naluri ingin tahu murid dan menjadikan pembelajaran suatu aktiviti yang bermakna kepada mereka. Selain itu, dalam proses pembelajaran secara kontekstual, objektif pembelajaran dapat dicapai melalui pelbagai kaedah. Antara kaedah yang diutarakan adalah menghubungkan kait, mengalami, mengaplikasi, bekerjasama dan memindahkan. Setiap kaedah yang harus mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman dan persekitaran. Murid yang melalui kaedah pembelajaran secara kontekstual berupaya mengaitkan apa yang dipelajari dan mengaplikasikannya kepada situasi lain. Pembelajaran kontekstual yang efektif memerlukan gabung jalin atau interaksi antara kurikulum, kaedah pengajaran, situasi dan masa. Penglibatan masyarakat dan industri dalam merancang strategi untuk menjayakan wawasan bersama dengan pihak sekolah sangat penting.

PENUTUP

Kini bahasa Melayu sudah pun perkasa. Bahasa Melayu akan menjadi lebih perkasa apabila bahasa Melayu dapat digunakan dalam bidang ICT, bidang Sains, Matematik dan bidang teknologi yang menjadikannya sebagai bahasa ilmu yang lebih sempurna. Guru-guru bahasa Melayu hendaklah memberi penekanan terhadap penyerapan pembelajaran dengan menggunakan kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam Kemahiran Bernilai Tambah. Melalui penyerapan kemahiran bernilai tambah ini, dengan secara langsung atau tidak langsung, kita dapat memperkasakan bahasa Melayu menjadikannya sebagai bahasa ilmu selaras dengan bahasa maju dunia, ibarat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Kita juga mahu memperkasakan pengguna-pengguna bahasa Melayu supaya status kemampuan berbahasa mereka bertaraf dunia dan mempunyai pengetahuan dalam pelbagai kemahiran bernilai tambah dalam bahasa Melayu yang bersifat global.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Selamat. (1989). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ab. Rahim Selamat. (1989). *Teknologi Sistem Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Belajar Cara Belajar*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran Secara Kontekstual*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Kecerdasan Pelbagai*. Kementerian Pendidikan Malaysia.